

19 MAC 2013

Syabu `bunga ros`

Oleh RAIS YEOP JOHARI
rais.johari@kosmo.com.my



LIAH (kiri) bersama pegawainya menunjukkan sebahagian syabu yang disembunyikan di dalam kotak bunga ros pada sidang akhbar di Nilai, Negeri Sembilan semalam.

NILAI – Tembelang dua lelaki India yang menyembunyikan 73 kilogram syabu bernilai RM14 juta di dalam 50 kotak bunga ros hidup terbongkar apabila kedua-duanya ditahan dalam serbuan di sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Sri Merdeka, Ampang dekat Kuala Lumpur Jumaat lalu.

Timbalan Pengarah Kastam Cawangan Narkotik, Liah Omar berkata, serbuan pada pukul 1.40 pagi itu dilakukan selepas pihaknya mendapat maklumat mengenai ketibaan 50 kotak bunga tersebut yang dihantar dari Bangalore, India melalui kargo udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

“Kita kemudian telah mengekori lori yang membawa kotak tersebut dari KLIA ke rumah tersebut sebelum menahan dua lelaki India masing-masing berusia 35 tahun yang disyaki mempunyai kaitan dengan dadah berkenaan.

“Soal siasat mendapati, dadah tersebut hendak dijual di pasaran tempatan dan luar negara selepas diproses di negara ini,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.